



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167, Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 7, No. 1, (June, 2022)

Strategi penterjemahan pantun Melayu-Arab dalam siri animasi Upin & Ipin

*[Malay-Arabic pantun translation strategies in animated series of
Upin & Ipin]*

Fudzla Suraiyya Abdul Raup*, Nasirah Ismail & Muhammad Hatta Shafri

Jabatan Bahasa Asia & Eropah, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

* Corresponding Author: Fudzla Suraiyya Abdul Raup. Jabatan Bahasa Asia & Eropah, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450, Selangor, Malaysia. e-Mail: fudzlasuraiyya@uitm.edu.my. Telp: +60135254713. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-3319-7319>

Keywords:

*Pantun; Translation;
Translation Strategies;
Animation; Upin & Ipin*

ABSTRACT

Upin & Ipin is a Malay-language-based animated series produced by Les' Copaque Production that is televised to educate children about the month of Ramadan. Given the immensely positive reaction from the viewers, this animated series has been expanded in production and translated into a number of different languages, including Arabic, through the use of subtitling or dubbing. The dialogue translation process of this animated series employs Malay 'pantun' which are particularly difficult to translate into other languages. Many studies related to 'pantun' have been conducted, but the majority of them emphasised on the meaning and values found in the 'pantun'. Therefore, this study was carried out to investigate Malay 'pantun' in Upin & Ipin based on 'pantun' theories by Mat Piah (1989) and its translation into Arabic based on translation strategies by Vinay & Darbelnet (1958/1995) & Veisbergs (1997). The focus of this study is on the equivalence of Malay-Arabic 'pantun' translation, specifically in terms of translation strategies used, word selection, and 'pantun' rhyming. This is a descriptive study that takes a qualitative approach. The findings revealed that the majority of Malay 'pantun' in this animated series adhere to Mat Piah's (1989) 'pantun' characteristics, and seven translation strategies were employed: literal translation, transposition, modulation, equivalence, adaptation, addition, and omission. The researchers suggested that more studies on the translation of Malay animation into Arabic should be done from several perspectives, such as songs, cultural aspects, linguistic decency and so on.

Kata Kunci:

*Pantun; Terjemahan;
Strategi Penterjemahan;
Animasi; Upin & Ipin*

ABSTRAK

*Siri animasi Upin & Ipin merupakan karya bahasa Melayu terbitan Les' Copaque Production yang ditayangkan untuk mendidik kanak-kanak agar menghayati bulan Ramadan. Sambutan luar biasa dalam kalangan masyarakat menyebabkan penghasilan siri animasi ini diperkembangkan dan diterjemahkan sama ada secara penyarikataan (*subtitling*) atau alih suara (*dubbing*) ke bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Arab. Proses terjemahan dialog siri animasi ini melibatkan pantun Melayu yang pastinya sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Banyak kajian berkaitan*

pantun telah dijalankan, namun kebanyakannya lebih fokus kepada maksud dan nilai yang terdapat di dalam pantun. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pantun di dalam siri animasi Upin & Ipin berdasarkan teori Mat Piah (1989) serta strategi terjemahannya berpandukan teori Vinay & Darbelnet (1958/1995) & Veisbergs (1997). Kajian ini memfokuskan kesepadanan terjemahan antara pantun Melayu dan terjemahannya ke bahasa Arab terutama dari segi strategi terjemahan yang digunakan, pemilihan perkataan dan rima pantun. Kajian ini bersifat deskriptif dan dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian mendapati kebanyakan pantun dalam siri animasi ini menepati ciri-ciri pantun oleh Mat Piah (1989), manakala tujuh strategi terjemahan telah digunakan iaitu terjemahan literal, transposisi, modulasi, persamaan, penyesuaian, penambahan, dan pengguguran. Selain itu, penekanan aspek tatabahasa bahasa sasaran perlu dititikberatkan oleh penterjemah supaya hasil terjemahan lebih gramatis. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak kajian terjemahan animasi bahasa Melayu ke bahasa Arab dapat dilakukan dari sudut-sudut lain seperti lagu, unsur budaya, kesantunan bahasa dan lain-lain.

Received: April 20, 2022

Accepted: June 05, 2022

Online Published: June 30, 2022

How to Cite:

Abdul Raup, F. S., Ismail, N. & Shafri, M. H. (2022). Strategi penterjemahan pantun Melayu-Arab dalam siri animasi Upin & Ipin. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 851-864. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.291>

1. Pengenalan

Siri animasi Upin & Ipin merupakan karya terbitan Les' Copaque Production sejak tahun 2007. Pada awalnya, ia ditayangkan untuk mendidik kanak-kanak menghayati dan menghormati bulan Ramadan. Namun, melihat kepada sambutan luar biasa yang diterima dalam kalangan masyarakat, penghasilan siri animasi ini dikembangkan dengan menceritakan kehidupan seharian mereka dan pengembaraan yang mendebarkan (Mohamad Hanapi et. all, 2019). Animasi ini dihasilkan di dalam Bahasa Melayu dan memaparkan kehidupan dan suasana masyarakat majmuk di kampung. Watak utamanya adalah pasangan kembar lelaki iaitu Upin dan Ipin. Oleh sebab permintaan tinggi yang diterima dari negara luar, animasi ini telah diterjemahkan sama ada secara penarikataan (*subtitling*) atau alih suara (*dubbing*) ke dalam bahasa lain, antaranya bahasa Inggeris, Arab dan Mandarin. Antara cabaran bagi proses penarikataan adalah ruang yang terhad untuk menayangkan sari kata di bahagian bawah skrin serta kesepadanan tempoh tayangannya dengan tempoh pelakon melontarkan dialog (Abdelaal, 2019). Bagi terjemahan berbentuk alih suara pula, selain dari kekangan tempoh tayangan alih suara dengan dialog pelakon, pastinya lebih baik bagi penterjemah mencari kosa kata terjemahan yang sesuai dengan gerak bibir pelakon di dalam versi asal agar penonton tidak merasa janggal dan pelik ketika menontonnya (Ibrahim & Abdul Raup, 2018).

Di dalam proses terjemahan dialog siri animasi ini, terdapat puisi tradisional Melayu yang harus diterjemahkan iaitu pantun. Pantun merupakan salah satu puisi tradisional Melayu yang menggambarkan pemikiran yang kreatif dan akal budi yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu (Mat Hussain & Hashim, 2017). Penghasilan pantun bukanlah mudah kerana pemantun bukan sahaja perlu memilih kosa kata dan istilah yang puitis dan indah, namun harus juga mementingkan mesej positif yang terkandung di dalamnya (Zakaria et al., 2017). Disebabkan pantun merupakan puisi yang sinonim untuk mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu (Hamid & Sudirman, 2017), pastinya sukar menterjemahkannya ke dalam bahasa lain kerana banyak aspek yang perlu dititikberatkan, antaranya kesepadanan istilah yang diterjemahkan, struktur tatabahasa dan unsur budaya (K. Sasi, 2017). Oleh itu, penterjemah perlu menggunakan prosedur dan strategi terjemahan yang sesuai agar hasil terjemahan dapat difahami oleh pembaca (Abdullah, Abd Rahman, & Usman, 2019).

Terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji strategi terjemahan, namun kebanyakannya berkisar tentang terjemahan unsur budaya. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Fadzil & Abdul Sukur (2020) yang mengkaji terjemahan kata tabu dalam novel *The Catcher in The Rye*, kajian W Hassan (2019) yang mengkaji tentang aplikasi kesantunan bahasa di dalam sari kata siri animasi *Ulama' al-Muslimin*, serta kajian Md Ali Shifudin & Ibrahim (2019) yang mengkaji tentang terjemahan unsur budaya Arab dan Melayu. Kajian yang menyentuh topik terjemahan puisi tradisional Melayu dilihat kurang diketengahkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pantun di dalam siri animasi Upin & Ipin dari bahasa Melayu ke bahasa Arab berdasarkan teori Mat Piah (1989) serta strategi terjemahannya berpandukan teori Vinay & Darbelnet (1958/1995) & Veisbergs (1997). Pemilihan strategi terjemahan yang sesuai terutamanya dalam terjemahan alih suara amat penting untuk memastikan penghasilan teks atau dialog terjemahan yang sepadan dengan gerakan bibir pelakon serta tempoh tayangannya di skrin (Ibrahim & Abdul Raup, 2018).

2. Latar Belakang Kajian Siri Animasi Upin & Ipin

Siri animasi terbitan Les' Copaque Production ini keseluruhannya mempunyai 15 musim. Setiap musim mempunyai kira-kira 42 episod, kecuali musim pertama dan kedua. Watak utama di dalam animasi ini adalah pasangan kembar seiras Upin & Ipin. Mereka merupakan anak yatim piatu dan tinggal bersama kakak (Kak Ros) dan nenek (Opah). Siri animasi ini juga diserikan dengan kehadiran penduduk kampung serta rakan-rakan sepermainan Upin & Ipin. ("Upin & Ipin", n.d.). Laman web terkini oleh Les' Copaque Production Sdn. Bhd. (<https://lescopaque.com/v11/our-works/upin-ipin/>) turut memberikan info tambahan tentang siri animasi ini.

Animasi ini pada awalnya dihasilkan untuk mendidik kanak-kanak menghormati bulan Ramadan. Namun, melihat kepada popularitinya yang semakin meningkat naik, penghasilannya telah dikembangkan meliputi pelbagai aspek kehidupan. Bukan itu sahaja, siri animasi ini juga telah diterbitkan dalam bentuk filem antaranya Geng: Pengembaraan Bermula (2009) dan Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal (2019). Episod-episod yang ditayangkan dalam siri animasi ini menyentuh pelbagai isu semasa, di samping memaparkan kehidupan harmoni dan suasana masyarakat kampung yang berbilang bangsa. Di dalam siri animasi ini, pelbagai unsur budaya terutamanya melibatkan masyarakat rantau nusantara telah diperkenalkan, sama ada dari segi persembahan seperti boria dan dikir barat, makanan tradisional, dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga beberapa babak yang memperkenalkan puisi Melayu tradisional seperti syair dan pantun. ("Upin & Ipin", n.d.). Pemilihan siri animasi ini untuk kajian ini adalah disebabkan oleh kewujudan babak yang memaparkan pantun serta terjemahannya di dalam versi alih suara bahasa Arab. Ia dilihat sesuai dengan keperluan kajian yang ingin mengkaji strategi terjemahan pantun Melayu-Arab.

3. Definisi dan Ciri-Ciri Pantun

Pantun merupakan salah satu daripada komponen puisi Melayu tradisional yang terdiri dari baris pembayang dan maksud (Mat Piah, 1989), manakala dalam sastera Arab, terdapat puisi yang dikenali sebagai syair. Syair bahasa Arab terdiri dari ungkapan yang terikat dengan rima, irama dan *bahr* (Mat Teh, 2017). Untuk membina serangkap pantun, pemantun bukan sahaja perlu memberi perhatian kepada pemilihan dan susunan perkataan yang mempunyai rima dan rentak yang indah, namun ketepatan makna juga harus dititikberatkan. Unit utama dalam setiap pantun adalah unit pembayang dan unit maksud. Menurut Mat Piah (1989), pantun dapat dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan tiga aspek utama iaitu jumlah baris, teknik berkait dan rima. Hal ini kerana tiga aspek tersebut bersifat tetap dalam semua pantun. Beberapa pengkaji yang menetapkan jenis-jenis pantun mengikut tema seperti pantun kasih sayang, pantun jenaka dan lain-lain dianggap kurang tepat kerana apa yang dimaksudkan adalah isi atau tema pantun.

Berdasarkan tiga aspek utama di atas, pantun berdasarkan jumlah baris ditetapkan mengikut bilangan baris dalam setiap rangkap. Terdapat beberapa jenis pantun antaranya pantun 2 baris (kerat), pantun 4 baris, pantun 8 baris, pantun 10 baris, pantun 14 baris dan pantun 16 baris. Pantun lebih dari 4 baris jarang dibina kerana kesukaran mengekalkan kaitan antara pembayang dan maksud serta kesukaran mengekalkan persamaan rima akhirnya (Mat Piah, 1989 & Zakaria et al., 2017). Seterusnya, pantun berdasarkan teknik berkait pula adalah gabungan beberapa rangkap pantun yang biasanya dibina untuk menyampaikan cerita atau naratif yang panjang. Terdapat kaitan antara jalan cerita dari pantun pertama ke pantun seterusnya. Pantun ini jarang dibina kerana kesukaran mengekalkan kesinambungan jalan cerita antara rangkap pantun (Mat Piah, 1989). Jenis pantun yang terakhir iaitu pantun berdasarkan rima pula adalah pantun yang mempunyai rima akhir yang sama, contohnya rima a-a bagi pantun 2 baris, rima a-b, a-b bagi pantun 4 baris, rima a-b-c, a-b-c bagi pantun 6 baris dan sebagainya (Mat Piah, 1989). Contohnya:

*Anak kumbang terayap-rayap,
 Mari ditangkap anak Turki,
 Hendak terbang tidak bersayap,
 Hendak hinggap tidak berkaki.*

Dalam pantun 4 baris di atas, Mat Piah (1989, pp. 124-125) mendapati rima yang digunakan adalah a-b-a-b. Rima akhir baris pertama sama dengan baris ketiga (**rayap-sayap**), dan rima akhir baris kedua sama dengan baris keempat (**Turki-berkaki**). Tambahan lagi, rima tengah atau dalaman juga terlihat sempurna ketika pemantun menggunakan (anak-tidak). Kedua-dua perkataan ini bukan sahaja mempunyai rima yang sama (**anak-tidak**), malah mempunyai bilangan suku kata yang sama iaitu dua.


Walaupun pantun terbahagi kepada beberapa beberapa jenis, ciri-ciri visual dalam setiap jenis pantun adalah sama (Mat Piah, 1989: p. 123-131). Antaranya:

- (1) Setiap rangkap pantun mempunyai baris pembayang dan maksud.
- (2) Jumlah baris pembayang dan maksud adalah sama.
- (3) Setiap baris mempunyai empat kata dasar bersamaan 8-10 suku kata.
- (4) Mempunyai rima yang tetap antara pembayang dan maksud.

*Kata dulang paku serpih,
 Mengata orang awak yang lebih.*

Pantun di atas merupakan contoh pantun yang menepati ciri-ciri pantun Melayu. Pantun ini merupakan pantun dua baris yang mempunyai satu baris pembayang dan satu baris maksud. Setiap baris mempunyai 4-5 kata dasar atau 8-10 suku kata. Pantun ini juga mempunyai rima akhir yang tetap iaitu a-a (**serpih-lebih**). Oleh itu, ciri-ciri visual yang ditetapkan di atas akan dijadikan rujukan utama penulis bagi mengenalpasti pantun Melayu dalam siri animasi Upin & Ipin.

4. Strategi Terjemahan Vinay & Darbelnet (1958/1995) & Veisbergs (1997)



Carta 1: Strategi Terjemahan Vinay & Darbelnet (1958/1995) & Veisbergs (1997)

Dua kaedah utama yang telah diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1958/1995) dalam Venuti (2000) adalah kaedah terjemahan langsung dan tidak langsung. Kedua-dua kaedah ini boleh diaplikasikan untuk menterjemah unit bahasa seperti perkataan atau struktur ayat (Mansor et. Al, 2019). Ketika menggunakan kaedah terjemahan langsung, penterjemah lebih mementingkan persamaan bentuk teks asal dengan teks terjemahan. Kaedah ini terbahagi kepada tiga iaitu kaedah pinjaman, peniruan dan literal. Manakala kaedah terjemahan tidak langsung pula lebih mementingkan penyampaian mesej dan kesan teks terjemahan kepada pembaca bahasa sasaran. Kaedah ini terbahagi kepada empat iaitu transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian. Di samping tujuh kaedah ini, terdapat tiga kaedah tambahan yang telah dikemukakan Veisbergs (1997) iaitu kaedah penerangan tambahan, penambahan dan pengguguran (Ardi, Mohamad, Rashidin, & Jantan, 2011). Penjelasan berkenaan strategi-strategi berikut seperti di bawah:

- i. **Pinjaman:** Pengekalan unsur budaya yang terdapat dalam teks sumber ketika menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran. Kaedah ini boleh digunakan sekiranya budaya sasaran boleh menerima unsur budaya bahasa asing. (Ivir, 1987: dipetik dari Zabir & Mansor, 2019). Penggunaan perkataan daripada bahasa sumber dalam teks bahasa sasaran kerana tiada padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran. Tiada perubahan dari segi ejaan dan ditulis miring dalam teks. Contohnya, 'aorta' kepada 'aorta'. (Ardi et al., 2011).
- ii. **Peniruan:** Kaedah yang meniru cara penyampaian atau struktur ayat dalam bahasa sasaran. Kaedah ini mementingkan peraturan tatabahasa bahasa sasaran. (Ardi et al., 2011).
- iii. **Literal:** Penggantian perkataan atau frasa dalam ayat dengan padanan yang sesuai tanpa melakukan perubahan besar terhadap struktur atau susunan ayat (Ardi et al., 2011). Kaedah ini juga lebih bertumpu kepada penterjemahan yang mengambil makna sepenuhnya dari kamus. (Abdul Rahman, Raja Sulaiman & Abdul Wahid, 2015).
- iv. **Transposisi:** Kaedah yang mengubah kategori gramatikal di dalam ayat, tanpa menjejaskan makna; seperti pertukaran kata kerja kepada kata nama. Contohnya, perkataan 'merokok' diterjemahkan kepada 'smoking'. (Wiwik Mardiana, 2014).
- v. **Modulasi:** Kaedah yang mengubah sudut pandang sesuatu ayat, tanpa menjejaskan makna. Contohnya, peralihan ayat pasif kepada aktif, peralihan struktur ayat nafi dan sebagainya. (Adventina Putranti, 2018). Selain itu, modulasi juga melibatkan strategi pengkhususan dan generalisasi, contohnya terjemahan *squeaky toys* kepada mainan, dan *quarter back* kepada pemain bola. (W Hassan, 2019).
- vi. **Persamaan:** Persamaan yang dimaksudkan adalah persamaan sejadi atau bersahaja agar pembaca teks sasaran menerima reaksi yang sama dengan pembaca teks sumber. (Nida, 1964: dipetik dari Ardi et al., 2011). Terdapat dua jenis kaedah persamaan iaitu persamaan terdekat dan persamaan sejadi atau padanan fungsian. Contoh persamaan terdekat adalah terjemahan 'shack' kepada 'teratak'. Ia melibatkan persamaan dari segi makna, tanpa melibatkan konteks penggunaan. Contoh persamaan sejadi atau padanan fungsian pula adalah terjemahan 'Ouch!' kepada 'Aduh!' atau 'broad smile' kepada 'senyum lebar'. Ia biasanya digunakan untuk menterjemah peribahasa dan simpulan bahasa. (Ardi et al., 2011).
- vii. **Penyesuaian:** Penggantian yang dilakukan kerana terdapat perbezaan budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Mesejnya mungkin sedikit berbeza dengan teks asal, kerana terjemahan mementingkan kesesuaian budaya dan citarasa pembaca terjemahan. Contoh: 'Majlis khatam Al-Quran' diterjemahkan kepada 'Graduation ceremony' (Ardi et al., 2011).
- viii. **Penambahan:** Menambah perkataan atau frasa tertentu bagi memastikan terjemahan menepati tatabahasa bahasa sasaran, dan tidak mengubah makna asal. Contoh: 'periwinkle' kepada 'bunga periwinkle'. (Ardi et al., 2011).
- ix. **Pengguguran:** Boleh menggugurkan elemen seperti perkataan, frasa, klausa. Penterjemah perlu memastikan terjemahan sesuai dengan konteks ayat. Contoh: 'wedding dais' kepada pelamin sahaja, bukan pelamin persandingan. (W Hassan, 2019).
- x. **Penerangan tambahan:** Kaedah ini menyediakan penerangan tambahan berbentuk sisipan atau nota kaki untuk menambahkan kefahaman pembaca. (Ardi et al., 2011).

5. Sorotan literatur

Terdapat pelbagai kajian lepas yang telah dijalankan untuk menganalisis elemen dan kaedah pembinaan pantun serta peranannya dalam pelbagai bidang, contohnya dalam adat resam dan tradisi Melayu. Antaranya kajian yang telah dijalankan oleh Tee (2021), yang mengkaji logik tradisi Melayu berdasarkan hubungan makna antara pembayang dan maksud di dalam pantun Melayu. Pengkaji telah memilih beberapa rangkap pantun untuk dianalisis hubungan makna antara pembayang dan maksudnya mengikut kerangka Logik India iaitu Nyanya-Sastra. Hasil analisis data menunjukkan kebanyakan unit pembayang pantun cenderung untuk menggunakan unsur pancaindera manakala unit maksud cenderung menggunakan unsur akal, contohnya:

1. *Lapun dibawa orang menjaja / Datang dari Pulau Batu,
Budak kecil biasa manja / Mamak dahulu juga begitu.*

Di dalam pantun (1) di atas, baris pembayang menggambarkan sudut pandang orang yang melihat lapun (jerat) dibawa untuk dijaja. Objek tersirat yang digunakan dalam baris ini adalah mata (unsur pancaindera) yang digunakan untuk melihat lapun tersebut. Manakala baris maksud dibina menggunakan unsur akal

(perumusan). Selain itu, dapat dilihat bahawa terdapat unsur alam (pulau) dalam pantun di atas. Ini sejajar dengan pendapat (Zaa'ba, 2002: dipetik dari Mat Piah, 1989) yang menyatakan bahawa pantun yang baik bukan sahaja mementingkan hubungan makna antara pembayang-maksud, malah unit pembayangnya mempunyai makna tersirat dan unsur atau gambaran alam. Bagi menyokong pendapat Zaa'ba, satu kajian telah dilakukan oleh Ab Jabar & Mohd Bukhari (2018) yang mengkaji hubungan antara pembayang dan maksud dari sudut ekologi. Pengkaji telah menganalisis koleksi Pantun Pak Nazel oleh Nazel Hashim Mohammad. Dapatan menunjukkan terdapat pelbagai unsur alam yang digunakan di dalam pembinaan pantun, antaranya unsur flora seperti bunga dan pokok. Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati, setiap unsur flora di dalam unit pembayang membawa makna yang tersirat dan mempunyai kaitan dengan unit maksud. Contohnya:

2. *Pokok kemboja berbunga tidak / Daunnya gugur patah ranting
Tua sahaja akalnya budak/ Apabila ditegur marah melenting*

Pemilihan 'pokok kemboja' di dalam pantun (2) adalah kerana makna tersiratnya. Pokok ini adalah sejenis pokok yang sukar berbunga di tempat teduh, dan dapat dikaitkan dengan unit maksud yang menunjukkan seseorang yang sudah berumur namun cetek pemikirannya.

Selain kajian mengenai elemen pembinaan pantun, terdapat juga kajian yang memfokuskan kepada analisis makna di dalam pantun, seperti kajian yang dijalankan oleh Ismail & Abdul Rahman (2018). Kajian ini bertujuan untuk menyenaraikan nilai-nilai tamadun Melayu yang tersirat di dalam pantun Peranakan Baba. Kajian bersifat deskriptif ini memilih 1300 rangkap pantun dan dikategorikan mengikut nilai-nilai tamadun Melayu seperti Akidah Islam, Ketaatan kepada Sultan dan menghormati pemimpin serta nilai-nilai murni seperti berbudi bahasa dan saling menghormati. Selain memaparkan nilai-nilai peradaban Melayu, pantun juga menengahkan akal budi dan jati diri Melayu. (Zakaria et al, 2017). Antara, pantun nasihat yang bertujuan mendidik masyarakat melayu agar memupuk sifat malu, menjaga maruah bangsa dan agama serta menjaga budi bahasa. Walaupun pantun merupakan puisi yang sinonim dengan masyarakat Melayu, terdapat juga pengaruh bahasa asing dalam pembinaan pantun. Kajian yang telah dijalankan oleh Mat Hussain & Hashim (2017) menunjukkan terdapat beberapa kosa kata pinjaman Bahasa Cina yang telah digunakan untuk membina pantun Melayu. Pengkaji merujuk Kamus Dewan bagi menyenaraikan kosa kata pinjaman Bahasa Cina, seterusnya meneliti koleksi pantun di dalam Buku Pantun Melayu Bingkisan Permata (2007) oleh Harun Mat Piah. Hasil analisis mendapati terdapat 10 kosa kata pinjaman Bahasa Cina yang telah digunakan di dalam pantun Melayu, antaranya bangsal, cawan, dacing, kuih dan lain-lain.

Walaupun banyak kajian berkaitan pantun telah dijalankan, namun pengkaji melihat kebanyakannya lebih memfokuskan kepada maksud dan nilai yang terdapat di dalam pantun, dan masih kurang kajian berkaitan pantun yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Ini mungkin kerana pantun adalah puisi yang sinonim dengan tradisi masyarakat Melayu (Ismail & Abdul Rahman, 2018), dan sukar untuk menterjemahkannya, apatah lagi menyesuaikan dengan budaya asing. Sungguhpun begitu, penterjemah boleh cuba menterjemah pantun atau puisi Melayu berpandukan strategi terjemahan yang telah digariskan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Hal ini kerana, terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji terjemahan elemen-elemen khusus dalam sesuatu budaya seperti perkataan tabu, lucah dan sebagainya. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Fadzil & Abdul Sukur (2020) yang bertujuan untuk mengkaji strategi terjemahan elemen kata tabu di dalam novel *'The Catcher in The Eye'*. Kajian bersifat deskriptif ini mengaplikasikan Teori Battistella (2005) untuk mengenalpasti kata tabu dan menganalisis strategi terjemahannya ke dalam Bahasa Melayu berpandukan Strategi Terjemahan Baker (2011). Hasil analisis data mendapati kata tabu di dalam novel ini tidak diterjemahkan secara langsung tetapi diubah dan diganti dengan perkataan yang lebih sesuai. Jika kajian di atas mengkaji elemen negatif di dalam novel, kajian yang dilakukan W Hassan (2019) pula mengkaji tentang elemen positif, iaitu kesantunan bahasa dan strategi terjemahan sari kata animasi Ulama' al Muslimin. Kajian yang dijalankan berpandukan Maksim Kesantunan Bahasa Leech (1996) dan Pendekatan Komunikatif Newmark (1998) ini mengkaji kesantunan bahasa di dalam terjemahan sari kata Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan kesemua maksim kesantunan di dalam teori Leech diaplikasikan di dalam dialog siri animasi ini. Sari katanya juga diterjemahkan menggunakan pelbagai strategi terjemahan agar sesuai dengan penonton bahasa sasaran. Selain kajian di atas, terdapat juga kajian yang mengkaji unsur budaya di dalam terjemahan. Kajian yang dilakukan oleh Zabir & Mansor (2019) bertujuan untuk mengenalpasti strategi terjemahan unsur budaya di dalam terjemahan bahasa Inggeris-bahasa Melayu di dalam siri Harry Potter. Pengkaji menganalisis data berpandukan Teori Qafzezi (2013). Teori ini merupakan gabungan antara Teori Ivir (1987) yang mengkaji tentang unsur budaya dan Teori Venuti (2008) berkenaan strategi terjemahan. Hasil

	Lain semua tak ada.					
4	Dua tiga lanun terlepas, Jaga-jaga, jangan lemas.	6	√	√	√	√
5	Dua tiga rama-rama, Kamu tak ada tanya maa..	6	√	√	√	√
6	Dua tiga peta, Kenapa tak bagitahu ada peta?	6	√	√	-	√
7	Dua tiga kole, Boleh?	4	√	√	-	-

Dari segi strategi terjemahan pula, hanya tujuh strategi terjemahan sahaja yang telah digunakan. Lima daripadanya adalah strategi terjemahan yang telah digariskan oleh Vinay & Darbelnet (1958/1995) iaitu terjemahan literal, transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian. Manakala strategi terjemahan Veisbergs (1997) yang telah digunakan adalah strategi penambahan dan pengurangan. Perinciannya seperti berikut:

i. Pantun 1

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga gigi cabut, Kamu semua patut takut	اَثْنَتَانِ ثَلَاثَةٌ اَسْنَانِ اِخْتَفَتْ، يَجِبُ عَلَيْكُمْ اَنْ تَخَافُوْا جَمِيْعًا

Pantun di atas adalah pantun yang dilontarkan oleh Jarjit semasa sesi pemeriksaan gigi di sekolahnya. Dialog ini dilontarkan kerana Jarjit ingin menakut-nakutkan rakan-rakan sekelasnya semasa berjumpa doktor gigi. Baris pembayang di dalam pantun di atas diterjemahkan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah literal dan modulasi. Kaedah literal telah digunakan ketika menterjemah perkataan ‘dua tiga gigi’ kepada ‘اَثْنَتَانِ ثَلَاثَةٌ’ . Hakikatnya, di dalam struktur tatabahasa bahasa Arab, terdapat kaedah khusus untuk menyebut perkataan bagi bilangan dua (مُتْنِي) dan tiga atau banyak (جَمْع). Jika penterjemah menitikberatkan tatabahasa bahasa sasaran, terjemahannya adalah ‘سِنَانِ وَثَلَاثَةٌ اَسْنَانِ’ . Namun, penterjemah tetap mengekalkan perkataan ‘اَثْنَتَانِ’ dan ‘ثَلَاثَةٌ’ kerana ingin mengekalkan keistimewaan pantun Jarjit yang sering bermula dengan perkataan ‘dua, tiga’. Seterusnya, kaedah modulasi telah digunakan untuk menterjemah perkataan ‘cabut’ kepada ‘اِخْتَفَتْ’ yang bermaksud ‘bersembunyi atau menghilangkan diri’ (Khalid et al., 2006). Proses modulasi telah digunakan apabila perkataan ini diterjemahkan dari sudut pandang yang berbeza. Perkataan ‘cabut’ menunjukkan gigi tersebut masih wujud dan akan dicabut, tetapi diterjemahkan kepada ‘اِخْتَفَتْ’ yang menunjukkan kesan selepas gigi dicabut iaitu gigi tersebut akan hilang. Namun, pengkaji berpendapat bahawa terjemahan yang lebih sesuai untuk perkataan ‘cabut’ dalam konteks pantun ini adalah ‘فَلَع’ (Khalid et al., 2006).

Seterusnya, baris maksud pantun telah diterjemahkan menggunakan kaedah transposisi dan penambahan. Kaedah transposisi golongan kata telah digunakan ketika menterjemah perkataan ‘takut’ kepada ‘اَنْ تَخَافُوْا’ . Perkataan ‘takut’ adalah dari golongan kata adjektif di dalam bahasa sumber, manakala ‘اَنْ تَخَافُوْا’ adalah gabungan dari golongan kata huruf (اَنْ) dan kata kerja (تَخَافُوْا). Dapat dilihat bahawa penterjemah telah menterjemah kata adjektif kepada kata kerja, dan strategi ini dikira sesuai kerana maksud asal

dialog dapat difahami di dalam bahasa sasaran. Akhir sekali, terdapat penambahan perkataan ‘جَمِيعًا’ di dalam dialog bahasa sasaran yang bermaksud ‘semua’. Penambahan ini dilihat amat baik kerana ia menjadikan baris maksud menepati syarat pembinaan pantun iaitu setiap baris mesti terdiri dari 4-5 patah perkataan. Walaubagaimanapun, pantun yang diterjemahkan ini tidak mempunyai rima akhir yang sama, menjadikannya tidak menepati ciri-ciri asas pantun Melayu.

ii. Pantun 2

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga cawan cantik, Saya punya lagi cantik	كُؤْبَان ثَلَاثَةٌ أَكْؤَاب جَمِيلَةٌ، كُؤْبِي أَنَا هُوَ الْأَجْمَلُ

Pantun di atas pula dipetik dari babak ketika Jarjit dan rakan-rakan sekelasnya berkumpul di dalam kelas sementara menunggu ketibaan guru mereka, Cikgu Melati. Di dalam pantun ini, baris pembayang telah diterjemahkan menggunakan kaedah terjemahan literal dan penambahan (eksplisitasi). Strategi ini digunakan ketika penterjemah menzahirkan objek yang diimplisit dalam teks asal. Penggunaan strategi ini dapat dilihat ketika perkataan ‘dua’ diterjemahkan kepada ‘كُؤْبَان’ yang bermaksud ‘dua gelas atau dua cawan atau dua cangkir’ (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2007). Perkataan ‘dua’ dalam dialog asal adalah lebih umum dan implisit serta tidak dijelaskan objeknya. Hanya perkataan ‘tiga’ sahaja mempunyai objek yang dizahirkan iaitu ‘cawan’. Namun, penterjemah telah menzahirkan objek yang dimplisit itu dengan menterjemahkan ‘dua’ kepada ‘كُؤْبَان’.

Dalam baris maksud pula, kaedah penambahan digunakan ketika menterjemah ‘saya punya’ kepada ‘كُؤْبِي أَنَا’. Hakikatnya, penterjemah boleh sahaja menterjemahkan ‘saya punya’ kepada ‘مِلْكِي’ (Khalid et al., 2006), tanpa mengulang perkataan ‘كُؤْب’ yang telah disebutkan 2 kali dalam baris pembayang. Dalam pada itu, pengkaji juga melihat bahawa penterjemah telah mengekalkan unsur penguat dalam ayat ini. Frasa ‘lagi cantik’ telah diterjemahkan kepada ‘هُوَ الْأَجْمَلُ’ yang bermaksud ‘paling cantik’. Secara keseluruhan, pembinaan pantun ini menepati ciri-ciri pantun Melayu dari segi bilangan perkataan dalam setiap baris, namun tidak mempunyai rima akhir yang tetap.

iii. Pantun 3

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga gigi ada, Lain semua tak ada.	سِنَان ثَلَاثَةٌ أَرْبَعُ، ثُمَّ لَا شَيْءَ.

Pantun ketiga ini dilontarkan Jarjit ketika dia sedang bercerita tentang datuknya yang sudah kehilangan gigi. Dalam pantun ketiga ini, penterjemah telah menggunakan kaedah pengguguran, penambahan dan literal. Penterjemah telah menambahkan perkataan ‘أَرْبَعُ’ yang bermaksud ‘empat’ dan telah menggugurkan ma’dud (objek yang dibilang) iaitu ‘gigi’. Dalam struktur bahasa arab, nombor perlu didatangkan bersama ma’dud. Oleh itu, penterjemah sepatutnya menggunakan perkataan ‘أَسْنَانُ’ selepas ‘ثَلَاثَةٌ’, tetapi telah menggantikannya dengan perkataan ‘أَرْبَعُ’. Namun dalam bahasa sasaran, pengguguran ini masih dapat difahami bahawa

penterjemah memaksudkan ‘gigi’ bagi ‘أَرْبَعٌ’ kerana penterjemah telah menyebutkan ‘سِنَانٌ’ pada awalnya.

Selain itu, perkataan ‘dua’ juga telah dizahirkan objeknya dan diterjemahkan kepada ‘سِنَانٌ’ bermaksud ‘dua gigi’. Tambahan lagi, penterjemah turut menggugurkan perkataan ‘ada’ dan pengguguran ini dilihat tidak mengubah maksud ayat bahasa sumber. Pengkaji mengandaikan bahawa perkataan ‘ada’ digugurkan bagi menyesuaikan terjemahan dengan *dubbing* Jarjit dalam siri berkenaan.

Seterusnya, kaedah literal pula telah digunakan dalam ayat ‘lain semua tak ada’ kepada ‘ثُمَّ لَا شَيْءٌ’. Penterjemah telah mengubah perkataan asal tanpa mengubah makna bahasa sumber. Perkataan ‘lain semua’ telah diterjemahkan kepada ‘ثُمَّ’ yang bermaksud ‘kemudian’ (Zainuddin et al., 2007). Pengkaji mencadangkan agar perkataan ‘lain semua’ diterjemahkan kepada ‘والباقية’ untuk merujuk kepada gigi-gigi yang berbaki. Hal ini kerana, perkataan ‘ثُمَّ’ merupakan kata hubung yang tidak sesuai untuk diterjemahkan kepada ‘lain semua’.

Manakala ‘tak ada’ pula dilihat lebih tepat diterjemahkan kepada ‘غير موجودة’. Pantun yang diterjemahkan ini dilihat tidak menepati ciri-ciri pantun Melayu. Setiap baris hanya mempunyai 3 perkataan dan tidak mempunyai rima akhir yang sama.

iv. Pantun 4

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga lanun terlepas, Jaga-jaga jangan lemas.	فُرْصَانَانِ أَوْ ثَلَاثَةَ فَرَاصِينِ مَوْجُودُونَ، احْتَرِسُوا... سَتَعْرِثُونَ.

Pantun ini dilontarkan oleh Jarjit Singh ketika dia dan rakan-rakannya ingin berlepas untuk mencari harta karun. Kaedah literal, penambahan dan modulasi telah digunakan bagi menterjemahkan baris pembayang dan maksud dalam pantun di atas. Frasa ‘dua tiga lanun’ telah diterjemahkan kepada ‘فُرْصَانَانِ ثَلَاثَةَ’ . Perkataan ‘dua’ telah dizahirkan objeknya dan diterjemahkan kepada ‘فُرْصَانَانِ’ bermaksud ‘dua lanun’. Walaubagaimanapun, penterjemah seharusnya menggunakan perkataan ‘فَرَاصِينِ’ yang bermaksud ramai lanun (Zainuddin et al., 2007). Penggunaan ‘فُرْصَانَانِ’ dilihat tidak menepati tatabahasa bahasa sasaran. Selain itu, kaedah penambahan juga telah digunakan ketika penterjemah menambah perkataan ‘أَوْ’ yang bermaksud ‘atau’ (Zainuddin et al., 2007). Kaedah modulasi juga telah digunakan ketika menterjemah perkataan ‘terlepas’ kepada ‘مَوْجُودُونَ’ yang bermaksud ‘wujud atau ada’ (Khalid et al., 2006). Kedua-dua terjemahan ini mempunyai sisi pandang yang berbeza. Penggunaan ‘terlepas’ menunjukkan lanun-lanun itu sudah tiada, manakala perkataan ‘مَوْجُودُونَ’ menunjukkan lanun-lanun tersebut masih ada.

Dalam baris maksud pula, kaedah literal digunakan ketika menterjemah frasa ‘jaga-jaga’ kepada ‘احْتَرِسُوا’. Unsur amaran telah dikekalkan dalam kedua-dua dialog. Manakala, ketika menterjemahkan frasa

‘jangan lemas’ kepada ‘سَتُعْرِقُونَ’ yang bermaksud ‘kamu semua akan lemas’, penterjemah telah menggunakan kaedah modulasi. Frasa ‘jangan lemas’ mempunyai makna tersirat iaitu amaran dan larangan, manakala frasa ‘سَتُعْرِقُونَ’ pula mempunyai makna tersirat yang jauh berbeza iaitu sindiran dan ejekan. Dari segi pembinaan pantun pula, bilangan perkataan tidak menepati ciri-ciri pantun oleh Mat Piah (1989) namun pantun bahasa Arab ini mempunyai rima akhir yang sama.

v. Pantun 5

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga rama-rama, Kamu takdak tanya maa.	فَرَّاشَتَانِ ثَلَاثُ فَرَّاشَاتِ، لَمْ تَسْأَلُوا بِطَرِيقَةٍ لَطِيفَةٍ.

Pantun ini pula telah dilontarkan oleh Mei Mei ketika disoal tentang lokasi peta untuk mencari harta karun. Baris pembayang dalam pantun di atas diterjemahkan menggunakan kaedah literal dan penambahan. Penterjemah telah menzahirkan objek untuk perkataan ‘dua’ ketika menterjemahkannya kepada ‘فَرَّاشَتَانِ’ bermaksud ‘dua rama-rama’. Baris maksud pula diterjemahkan menggunakan beberapa kaedah, antaranya kaedah literal, pengguguran dan penambahan. Penterjemahan frasa ‘kamu takdak tanya’ kepada ‘لَمْ تَسْأَلُوا’ menggunakan kaedah literal. Namun, penterjemah dilihat kurang mementingkan tatabahasa bahasa sasaran. Penggunaan ‘kamu’ dalam dialog asal menunjukkan maksud seorang, manakala penggunaan ‘تَسْأَلُوا’ menunjukkan maksud ramai. Pengkaji mendapati adalah lebih baik sekiranya penterjemah menterjemahkan frasa ini kepada ‘تَسْأَلُ’ sahaja. Seterusnya, penterjemah telah menggugurkan perkataan ‘maa’. Perkataan ini tidak membawa maksud melainkan sekadar ungkapan unik bagi penduduk berbangsa Cina yang bertutur dalam bahasa Melayu. Ini kerana dialog ini dilontarkan oleh Mei Mei, salah satu watak berbangsa Cina dalam siri animasi ini. Selain itu, kewujudan ungkapan ‘maa’ ini juga dianggap kerana penutur dialog ingin menyamakan rima akhir pantun tersebut. Selain kaedah pengguguran, kaedah penambahan juga telah digunakan ketika penterjemah menambah frasa ‘بِطَرِيقَةٍ لَطِيفَةٍ’ yang bermaksud ‘dengan cara yang lemah lembut’ (Khalid et al., 2006), bagi menggantikan perkataan ‘maa’ yang digugurkan. Penambahan ini dilihat amat baik kerana menjadikan baris maksud ini menepati ciri-ciri pantun Melayu dari segi bilangan perkataan. Walaubagaimanapun, rima akhir pantun ini tidak sama menjadikannya tidak menepati salah satu ciri pantun Melayu.

vi. Pantun 6

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga peta, Kenapa tak bagitau ada peta.	خَرِيطَتَانِ ثَلَاثُ خَرَائِطِ، مَاذَا؟! تُوْجَدُ خَرِيطَةٌ؟!!

Pantun di atas diucapkan oleh Jarjit Singh ketika dalam situasi terkejut kerana semua rakan-rakannya telah mengetahui kewujudan peta harta karun. Baris pembayang telah diterjemahkan menggunakan kaedah literal dan penambahan. Penterjemah telah menzahirkan objek untuk perkataan ‘dua’ ketika menterjemahkannya kepada ‘خَرِيطَتَانِ’ bermaksud ‘dua peta’. Manakala di dalam baris maksud, dapat dilihat penggunaan kaedah modulasi dalam terjemahan ke bahasa Arab. Dalam dialog asal yang dilontarkan Jarjit Singh, penggunaan ayat

‘kenapa tak bagitau ada peta’ menzahirkan emosi tertekan dan marah, kerana rakan-rakannya tahu kewujudan peta tersebut namun tidak memaklumkan kepadanya. Namun ayat terjemahan iaitu ‘مَاذَا؟! تُوْجِدُ حَرْيَطَةً?!’ yang bermaksud ‘Apa?! Ada peta?!’ menzahirkan emosi terkejut kerana Jarjit bukan sahaja baru mengetahui kewujudan peta tersebut, namun lebih mengejutkannya adalah rakan-rakannya yang telah sedia maklum akan kewujudan peta itu. Selain itu, kata tanya yang digunakan iaitu ‘kenapa’ telah diterjemahkan kepada ‘مَاذَا’ bermaksud ‘apa’, sedangkan terjemahan untuk kenapa adalah ‘لِمَاذَا’. Dari segi pembinaan pantun bahasa Arab, bilangan perkataan dan rima akhir pantun tidak menepati ciri-ciri pantun oleh Mat Piah (1989).

vii. Pantun 7

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
Dua tiga kole, Boleh?	فُنْجَانَانِ ثَلَاثَةً، حَسَنًا؟

Pantun ini telah diungkapkan oleh Jarjit ketika semua pelajar di dalam kelas menunjukkan cawan yang telah dibawa oleh mereka ke sekolah. Dalam pantun ini, penterjemah mengaplikasi dua kaedah iaitu kaedah pengguguran dan penyesuaian. Kaedah pengguguran dilihat berlaku pada perkataan ‘kole’ yang tidak diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Bahkan penterjemah menggunakan kaedah penyesuaian untuk menyampaikan maksud ‘kole’. Penggunaan perkataan (فُنْجَان) dalam bahasa Arab merujuk kepada cawan yang mempunyai piring (Zainuddin et al., 2007) dan diperbuat daripada tembikar (Khalid et al., 2006). Manakala perkataan kole menurut bahasa Melayu pula merujuk kepada sejenis bekas minum yang bertangkai tanpa piring (Baharom et al., 2005). Dalam baris maksud pula, kaedah literal telah digunakan untuk menterjemah perkataan ‘boleh’ kepada ‘حَسَنًا’. Dari aspek pembinaan pantun pula, pengkaji mendapati kedua-dua pantun bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Arab tidak menepati ciri-ciri pantun oleh Mat Piah (1989) dari segi bilangan perkataan mahupun rima akhir pantun.

8. Kesimpulan

Berdasarkan tujuh rangkap pantun Melayu dalam siri animasi ini yang telah dipilih dan dianalisis, hanya lima rangkap sahaja yang menepati semua ciri pantun oleh Mat Piah (1989). Manakala, pantun Arab yang diterjemahkan dilihat tidak menepati ciri-ciri pantun Melayu, terutama dari segi bilangan perkataan dalam setiap baris dan rima akhir yang tetap. Sungguhpun begitu, perkara ini dianggap tidak menjejaskan kualiti alih suara animasi ini kerana tujuan utama animasi ini adalah untuk hiburan. Selain itu, pastinya sukar untuk penterjemah mencari padanan terjemahan yang sesuai sambil mengekalkan ciri-ciri pantun. Aspek utama yang perlu dipastikan penterjemah adalah penyampaian mesej dalam versi asal kepada penonton bahasa sasaran. Dari segi strategi terjemahan yang digunakan pula, hasil analisis menunjukkan hanya tujuh strategi sahaja yang telah digunakan iaitu terjemahan literal, transposisi, modulasi, persamaan, penyesuaian, penambahan dan pengguguran. Kaedah yang paling kerap digunakan adalah kaedah literal, terutamanya dalam terjemahan baris pembayang pantun.

Penterjemahan siri animasi, sama ada dari segi penarikataan (*subtitling*) atau alih suara (*dubbing*) dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab adalah salah satu usaha yang baik dan wajar diketengahkan lagi bagi mengangkat kedudukan lapangan ini di persada antarabangsa. Pemilihan strategi penterjemahan yang bersesuaian amat penting agar bukan sahaja makna perkataan dari bahasa sumber dapat disampaikan kepada penonton dalam bahasa sasaran, malah dapat memastikan penonton bahasa sasaran menerima reaksi dan perasaan yang sama seperti penonton bahasa sumber. Namun begitu, penterjemah juga perlu menekankan aspek tatabahasa bahasa sasaran supaya hasil terjemahan menjadi lebih cantik dan tidak kelihatan ganjil. Untuk kajian akan datang, pengkaji menyarankan agar lebih banyak kajian terjemahan animasi bahasa Melayu ke dalam

bahasa Arab dapat dijalankan dengan mengambil pelbagai bentuk komponen lain seperti lagu, sari kata, unsur budaya, kesantunan bahasa dan lain-lain sebagai bahan kajian.

Rujukan

- Ab Jabar, N. & Mohd Bukhari, N.A. (2018). Hubungan kait pembayang dan maksud pantun Pak Nazel dari perspektif Ekologi. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6: 171-189. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/43/16>.
- Abdelaal, N. M. (2019). Subtitling of culture-bound terms: strategies and quality assessment. *Heliyon*, 5(4). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2019.e01411>.
- Abdul Rahman, N. E., Raja Sulaiman, R. H. & Abdul Wahid, N. (2015). Penterjemahan unsur budaya dalam sari kata drama *Flag of Truth*. *Proceedings of ICIC 2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, hlm. 662-678. Retrieved from <https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/75 - Noor Eliza Abdul Rahman.pdf>.
- Abdullah, N., Abd Rahman, L. & Usman, A. H. (2019). Terjemahan ayat Mutashabihat: analisis fungsi prosedur eksplisitasi. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 4(2). 154-170. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.63>.
- Adventina Putranti. (2018). Modulation: A Translation Method to Obtain Naturalness in Target Language Texts. *Journal of Language and Literature*, 18(1). Retrieved from <https://e-journal.usd.ac.id/index.php/JOLL/article/view/1115>.
- Ardi, N., Mohamad, M., Rashidin, R. & Jantan, Z. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Awang, Z. (2012). *Research methodology and data analysis*. Selangor: UiTM Press.
- Baharom, N., Ab Ghani, M. N., Ahmad, I., Supardi, A., Kamin, S., Tajudin, A., ... Abdullah, R. (Ed.). (2005). *Kamus Dewan* (Ed. ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadzil, N. A. & Abdul Sukur, A. S. (2020). Strategi penterjemahan kata tabu dalam novel *The Catcher in The Rye*. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2): 70-84. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/3876>.
- Hamid, Z. & Sudirman, N. (2017). Metafora konsepsi dan skema imej dalam pantun Melayu. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2). Retrieved from https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2017/04/KC6_6.pdf.
- Ibrahim, M. & Abdul Raup, F. S. (2018). Addition and omission in the dubbing of animated series (Upin & Ipin) from Malay to Arabic. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1): 127-142. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp127-142>.
- Ismail, N. & Abdul Rahman, N. A. (2018). Nilai peradaban Melayu dalam pantun Peranakan Baba. *Sains Insani*, 3(3): 60-67. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/73>.
- K. Sasi. (2017). Translation challenges and solutions. *Journal of English Language and Literature (JOELL)*, 4(1). Retrieved from <https://joell.in/wp-content/uploads/2017/01/19-23-TRANSLATION-CHALLENGES.pdf>.
- Khalid, O., Hamzah, M. S., Awang Mat Dahan, H. B., Al-Muhammadi, A. H., Mohd Nor, B. M., Muhammad, A. H., Muhammad Ali, A. H. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Les' Copaque Production. (2017, February 10). *Hāt al-furshā* [Video file]. Retrieved from <https://youtu.be/BPBTuudGhdU>.
- Les' Copaque Production. (2017, February 17). *Rehlah ilā jazīrah al-kanz*. [Video file]. Retrieved from <https://youtu.be/Kpfq2rM9TLA>.
- Mansor, W., A Bakar, A. & Abd Rahman, L. (2019). Prosedur modulasi dalam terjemahan Arab-Melayu karya Kalilah Wa Dimnah. *Proceeding Conference International Seminar on Islam & Sciences 2019*, hlm. 277-286. Retrieved from <https://www.researchgate.net/directory/publications>.
- Mat Hussain, E. & Hashim, N. H. (2017). Pengaruh kosa kata bahasa Cina dalam pantun Melayu: satu analisis. *Prosiding Seminar Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China (STBBMC) 2017*, hlm. 82-86. Retrieved from <http://uniti.usm.my/images/activities/STBBMC-2017-PROCEEDING.pdf>.
- Mat Piah, H. (1989). *Puisi Melayu tradisional*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Teh, K. S. (2017). *Perkembangan awal Nahu Arab*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

JOURNAL AL-IRSYAD Vol. 7, No. 1, (June, 2022)

- Md Ali Shifudin, R. A. & Ibrahim, M. (2019). Penterjemahan unsur budaya Arab dan Melayu menurut pembahagian Hasan Ghazala. *Jurnal Penterjemah*, 21(2): 163-183. Retrieved from <https://www.researchgate.net/directory/publications>.
- Mohamad Hanapi, M. H., Zakaria, N. & Abdullah, N. (2019). Nilai pendidikan dalam bahan pengajaran multimedia kartun animasi Upin & Ipin untuk murid Sekolah Rendah. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(4): 12-23. Retrieved from <https://www.researchgate.net/directory/publications>.
- Mohd Tobi, S. U. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Tee, B. C. (2021). Pantun sebagai bahasa dan tradisi logik Melayu berdasarkan hubungan makna pembayangmaksud. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2): 263-284. [https://doi.org/10.37052/jm.14\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.14(2)no6).
- Upin & Ipin. (nd.). In *Wikipedia*. Retrieved June 1, 2022, from https://en.wikipedia.org/wiki/Upin_%26_Ipin.
- Veisbergs, A. (1997). *The contextual use of idioms, wordplay and translation*. New York: Routledge.
- Venuti, L. (2000). *The Translation Studies Reader*. New York: Routledge.
- W Hassan, W. S. F. A. (2019). Aplikasi kesantunan bahasa dan strategi terjemahan sari kata animasi *Ulama' al-Muslimin*. *Ulum Islamiyah Journal*, 25. <https://doi.org/10.33102/uij.vol25no0.137>.
- Wiwik Mardiana. (2014). Teknik transposisi dan modulasi: kesepadanan dan pergeseran dalam penterjemahan cerpen berjudul "My Beloved Edith". *PAROLE: Journal of Linguistics and Education*, 4(2): 120-130. <https://ejournal.undip.ac.id/index.php/parole/article/view/7889>.
- Zabir, A. & Mansor, I. (2019). Implikasi ideologi terhadap strategi penterjemahan unsur budaya dalam siri *Harry Potter* ke dalam Bahasa Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 26(2): 25-52. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.2>.
- Zainuddin, M. K., Zainuddin, M. N. & Mohd Isa, M. F. (Comp.). (2007). *Al-Miftah. Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*. Selangor: Al-Azhar Media Enterprise.
- Zakaria, N., Abdullah, A., Syed Zakaria, S. Z., Abdul Mutalib, M. H., Lambri, A., Jamaldin, S. S., ... Derak, R. (2017). Akal budi dan cerminan jati budi Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2): 89-97. Retrieved from <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/105>.